

06/08/1997

Sastera harus maju setanding Proton Saga

Zainal A

PROF Madya Dr Md Salleh Yaapar dari Universiti Sains Malaysia (USM) sebelum ini pernah mengejutkan khalayak sastera, apabila beliau menyentuh kejayaan Proton Saga hingga mendapat pasaran di dunia. Apakah tidak mungkin sastera Melayu juga boleh mencecah kejayaan yang sama?

Proton terus menguasai pasaran. Berita mutakhir Perusahaan Otomobil Nasional itu mencapai keuntungan yang mengagumkan, melebihi RM1 billion.

Apakah rahsia kejayaannya? Faktor utamanya barangkali kereta keluaran negara ini mempunyai beberapa ciri menarik, tentunya kualiti daya tahan dan penggunaan minyak yang menjimatkan.

Apapun perkiraannya, barangan keluaran negara sudah diakui kualitinya setanding, bahkan mampu mengatasi kereta keluaran negara luar yang jauh lebih ke hadapan dalam industri kereta.

Kira-kira setahun lalu, Salleh menyuarakan pandangan dan kritikan itu terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu, sebagai satu perbandingan dengan hal yang amat berbeza dengan kesusasteraan.

Barangkali Salleh terfikir ada kemungkinannya sastera Melayu yang selalunya dianggap lekeh itu akan bangkit menjadi sastera yang perlu dihayati pemikir dan khalayak sastera di luar negara.

Kemungkinan ini ada apabila memikirkan sebuah negara kecil ini mampu menapak ke hadapan dengan mengadakan pelbagai macam projek lebih hebat dari pencapaian Proton Saga.

Ini semuanya dirangsang oleh pucuk pimpinan negara yang tidak mengerti penat lelah mengemukakan ideanya bagi pembangunan bangsa dan negara.

Hasrat negara membabitkan diri dalam industri berat mulanya diperlekeh oleh Barat dan kuncunya yang kurang senang atau berprasangka terhadap idea Dr Mahathir itu, kini terpaksa mengakui idea itu berjaya dilaksanakan.

Ini kerana Dr Mahathir lebih yakin kepada kemampuan sendiri daripada dipengaruhi pemikiran yang cuba menggagalkan impiannya yang mahu melihat keupayaan dan kebolehan bangsa.

Sayang sekali pemikiran Salleh itu tidak cuba dianalisis dan dibahaskan dalam diskusi sastera. Ini barangkali ramai yang tidak terfikir betapa jauhnya pemikiran Salleh dalam usaha menyemarakkan sastera Melayu moden.

Kejayaan dalam industri berat itu juga sebenarnya boleh digarap dan diolah dalam bentuk sebuah novel yang mutakhir sifatnya.

Daerah tema yang universal ini jika dapat digarap dengan baik, ia boleh memberikan satu kejutan kepada khalayak sastera yang selalu mengagungkan Barat dan merendahkan karya tempatan.

Inilah cabaran kepada sasterawan negara dan setakat ini novel yang bercorak sedemikian baru sebuah dua saja. Ranjau Sepanjang Jalan dan Salina sudah diterjemahkan. Tema tradisi yang berkaitan dengan masalah masyarakat budaya dan kemelut politik masih menjadi pancingan utama penulis kita.

Soal tema masih mempercayai bomoh dalam zaman serba moden juga tidak kurang menarik perhatian digarapkan, walaupun menimbulkan polemik sastera yang agak hebat di antara Azizi Abdullah dengan Rahman Shaari serta pengikutnya pula.

Itu memang bagus. Ada percanggahan pendapat antara dua kumpulan berikutan cetusan idea Rahman. Itu tanda kemajuan.

Apabila ada percanggahan begitu jangan pula dibayangkan oleh sikap berpuak dan berkelompok sehingga bercakaran sesama sendiri.

Itu maknanya statik. Tidak ada aliran perubahan dalam dunia sastera

Melayu sebenarnya. Jika tidak mahu menerima perubahan kita ketinggalan zaman.

Bagaimanapun perubahan itu perlu diimbangi supaya tidak menjadi mangsa gejala sosial dan keruntuhan moral.

Demikian juga dengan kedudukan sastera kita jika tidak sedia menerima perubahan, ertinya hasil sastera kita tidak akan berubah, walaupun lebih 40 tahun merdeka.

Shahnon Ahmad, A Samad Said dan Arena Wati yang giat dan gigih itu tentu bersetuju supaya ia sejajar dengan perkembangan bahasa Melayu yang kini mulai menarik perhatian dunia.

(END)